

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)1**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

1. Adakah Kerajaan Negeri tetap akan menaikkan cukai taksiran untuk tahun 2021 walaupun ekonomi Pulau Pinang amat terkesan dengan pandemik COVID-19?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Cukai taksiran yang berdasarkan Senarai Nilai Baharu 2020 telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 sepertimana yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, di atas keprihatinan Kerajaan Negeri, kenaikan cukai taksiran bagi tahun 2020 diberi pelepasan melalui pemberian Rebat Cukai Taksiran kepada semua pegangan yang terdapat di Pulau Pinang. Pemberian rebat cukai taksiran ini merupakan antara usaha pihak Kerajaan Negeri untuk memberi masa dan peluang kepada seluruh rakyat di Pulau Pinang untuk pulih daripada impak dan kesan pandemik COVID-19.

Pemberian rebat cukai taksiran ini sedikit sebanyak memberi impak kepada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang memandangkan PBT masih perlu menyediakan dan memastikan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan tidak terjejas bagi memastikan kebersihan, keselesaan dan kesejahteraan penduduk Pulau Pinang adalah terjamin. Oleh yang demikian, untuk tahun 2021, cukai taksiran perlu dikenakan sepertimana kadar sedia ada yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)(2)**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

2. Huraikan jadual pelaksanaan projek Penang South Reclamation (PSR), Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT) dan Pan Island Link 1 (PIL 1).
  - (a) Apakah kelulusan Kerajaan Persekutuan yang masih diperlukan?
  - (b) Jelaskan status penubuhan bon untuk pembiayaan projek dan mekanisme penjualan tanah PSR.
  - (c) Apakah kelebihan Pelan Induk cadangan Bjarke Ingels Group (BIG) terpilih?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Jadual pelaksanaan bagi projek Penang South Reclamation (PSR), Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT) dan Pan Island Link 1 (PIL 1) adalah seperti berikut:

(i) **Penang South Reclamation (PSR)**

Projek PSR telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah

memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan Environment Impact Assessment (EIA) pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSR juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019.

Secara keseluruhannya, Projek PSR telah mendapat kesemua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan. Lanjutan daripada kelulusan EIA, salah satu (1) syarat adalah untuk menyediakan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang. Laporan EMP ini akan mensyaratkan kontraktor yang dilantik dalam mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA semasa kerja-kerja penambakan dilaksanakan. Langkah-langkah kawalan alam sekitar dan program pengawasan alam sekitar di dalam Laporan EMP ini perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang akan dilantik.

Pada masa ini, laporan EMP (Pindaan 1) telah dikemukakan kepada pihak JAS Negeri Pulau Pinang pada 17 Julai 2020 dan masih menunggu kelulusan.

Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana *Project Delivery Partner* (PDP) juga sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi meminimakan impak sosial dan alam sekitar sebelum projek bermula secara fizikal. Kerajaan negeri kini dalam fasa menyediakan reka bentuk dan penyediaan dokumen-dokumen tender.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif menganjurkan *Master Design Competition* (MDC) di mana syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat dalam penyediaan reka bentuk dapat mengambil bahagian dalam MDC. Lima (5) syarikat telah dipilih ke pusingan akhir bagi pertandingan tersebut dan pemenang yang berjaya iaitu Bjarke Ingels Group (BIG) telah diumumkan pada 19 Ogos 2020 yang lalu. Pihak BIG akan menyediakan reka bentuk terperinci ini dalam masa yang terdekat.

**(ii) Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT)**

Fasa 1 LRT Laluan Bayan Lepas telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan (HIA) telah diluluskan oleh Jabatan Warisan Negara

(JWN) 28 Ogos 2020. Manakala, Laporan Kajian Impak Sosial (SIA) telah diluluskan pada 19 Jun 2020. Selain itu, Kerajaan Negeri sedang menyusuli kelulusan akhir untuk memuktamadkan skim rel yang telah mendapat kelulusan bersyarat pada 18 Julai 2019 untuk menjalankan pemeriksaan awam (*Public Inspection*) daripada pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Kementerian Pengangkutan yang dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir Disember 2020.

**(iii) Pan Island Link (PIL 1)**

Projek PIL 1 telah mendapat kelulusan Laporan *Environmental Impact Assesment* (EIA) pada 10 April 2019 dengan 56 syarat dan Laporan *Traffic Impact Assesment* (TIA) yang diluluskan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 24 Ogos 2018.

Pihak Rakan Pelaksana Projek (PDP) iaitu SRS Consortium Sdn. Bhd. kini dalam proses penambahbaikan struktur model kewangan bagi pembiayaan pelaksanaan projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) melalui hasil penjualan

tanah tambakan projek PSR. Jadual pelaksanaan bagi projek-projek PIPPP ini akan ditetapkan sejurus struktur model kewangan (*financial architecture*) dimuktamadkan oleh pihak PDP bersama Kerajaan Negeri.

- (a) Kerajaan Negeri berpendirian tegas bahawa kerja-kerja penambakan bagi projek *Penang South Reclamation* (PSR) tidak akan dimulakan sehingga semua kelulusan yang diperlukan oleh pihak berkuasa untuk pelaksanaan projek ini diperolehi.

Kerajaan Negeri telah mendapat nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang diterima pada 18 April 2019. Kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya juga telah diperolehi pada 25 Jun 2019. Lanjutan daripada kelulusan EIA ini, salah satu (1) syarat adalah untuk menyediakan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi kelulusan JAS Negeri Pulau Pinang. Laporan EMP ini akan mensyaratkan kontraktor yang dilantik dalam mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA semasa kerja-

kerja penambakan dilaksanakan. Langkah-langkah kawalan alam sekitar dan program pengawasan alam sekitar di dalam Laporan EMP ini perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang akan dilantik.

Pada masa ini, laporan EMP (Pindaan 1) telah dikemukakan kepada pihak JAS Negeri Pulau Pinang pada 17 Julai 2020 dan masih menunggu kelulusan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang menunggu kelulusan akhir bagi Skim Kereta Api *Bayan Lepas Light Rail Transit* (BLLRT) Segmen 1 hingga 4 (KOMTAR – Permatang Damar Laut) daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Manakala bagi projek PIL 1, kesemua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri.

Pihak Rakan Pelaksana Projek (PDP) iaitu SRS Consortium Sdn. Bhd. kini dalam proses penambahbaikan struktur model kewangan bagi pembiayaan pelaksanaan projek PIPPP melalui hasil penjualan tanah tambakan projek PSR. Jadual



pelaksanaan bagi projek-projek PIPPP ini akan ditetapkan sejurus struktur model kewangan (*financial architecture*) dimuktamadkan oleh pihak PDP bersama Kerajaan Negeri.

(b) YB. Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri pada 1 Oktober 2019 telah mengemukakan surat persetujuan kepada Kerajaan Negeri untuk cadangan penerbitan bon dengan jaminan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri kini sedang menyusuli tindakan untuk menerbitkan bon tersebut bersama Kerajaan Persekutuan dan masih menunggu maklum balas berhubung perkara ini. Kerajaan Negeri yakin satu persefahaman boleh dicapai bersama pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam dan kesesakan jalan raya di Pulau Pinang demi kebaikan rakyat serta kelestarian ekonomi Negeri Pulau Pinang.

(c) Reka bentuk Bjarke Ingels Group (BIG) telah dipilih sebagai reka bentuk yang paling sesuai untuk PSR oleh panel juri induk (*Master Jury Panel* - MJP) yang

dianggotai oleh pakar-pakar bidang perancangan bandar, arkitek, reka bentuk, ekonomi, kejuruteraan marin dan hidraulik, ekologi, kelestarian, pelaburan dan perdagangan dari Malaysia dan luar negara.

MJP telah menilai reka bentuk lima peserta akhir Pertandingan Mereka Bentuk Pelan Induk (MDC) PSR berdasarkan tujuh kriteria, iaitu:

- (i) Kecemerlangan reka bentuk dan perancangan;
- (ii) Inovasi tata ruang (*spatial and innovation*);
- (iii) Maklum balas kepada konteks dan cita-cita Pulau Pinang;
- (iv) Penyelesaian inovatif dan kepintaran teknikal;
- (v) Fasa dan pelaksanaan yang strategik;
- (vi) Kelestarian alam sekitar, ekonomi dan sosial; dan
- (vii) Kebolehlaksanaan dari segi ekonomi, kewangan dan perniagaan.

Cadangan BIG yang bernama "*BiodiverCity Penang*" didapati mempunyai kelebihan dan berpotensi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya yang

mempunyai konsep pembangunan yang rancak sebagai pemangkin ekonomi dalam dan luar negeri.

Dalam reka bentuknya, BIG telah mengemukakan konsep persekitaran yang berdaya tahan (*environmental resilience*); menekankan kelestarian dari segi infrastruktur sosial dan kepelbagaian ekologi, manfaat untuk komuniti nelayan, kesejahteraan awam dan memupuk bakat keunikan identiti budaya komuniti masyarakat di Pulau Pinang terus dikekalkan.

Selain itu, nama pengasas BIG, Bjarke Ingels berupaya menambah nilai dan membawa prestij kepada nama PSR dan menarik minat pelabur.

Kerajaan Negeri kini sedang bekerjasama dengan pihak BIG untuk memuktamadkan pelan induk pembangunan PSR. Reka bentuk akhir meliputi nilai warisan and inovasi yang mencirikan keunikan Pulau Pinang serta mewujudkan satu bandar baru untuk komuniti, ekonomi dan ekologi yang kian membangun dan berkembang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)3**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

3. Apakah perkembangan cadangan pembinaan gimnasium di setiap KADUN bagi menggalakkan rakyat bersenam dan bersukan?
  - (a) Berapa gimnasium telah dibina di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2000 dan agensi mana yang menyelenggarakan gimnasium tersebut?.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bermula melaksanakan cadangan ini pada tahun 2019. Pusat gimnasium rakyat pertama yang telah diwujudkan bagi kegunaan penduduk setempat adalah di Pantai Robina, KADUN Teluk Air Tawar.

Pada tahun 2020, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia dan Sukan juga bekerjasama dengan ADUN Penanti untuk mewujudkan pusat gimnasium rakyat di Dewan Taman Gua Perahu.

Usaha ini masih diteruskan dengan kerjasama ADUN Kawasan untuk mencadangkan dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

(MPKK) atau dewan rakyat yang sesuai untuk ditukar guna sebagai pusat gimnasium rakyat di setiap KADUN.

- a. Terdapat lapan (8) buah gimnasium di negeri Pulau Pinang dibawah seliaan agensi negeri, jabatan persekutuan dan pihak swasta seperti perincian di **LAMPIRAN A dan lampiran ini akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.**

## LAMPIRAN A

### SENARAI PUSAT GYMNASIUM DI NEGERI PULAU PINANG

<b>BIL</b>	<b>LOKASI</b>	<b>AGENSI PENYELENGGARA</b>
1.	Majlis Sukan Negeri Batu Uban	MSN
2.	Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bungah	MSN
3.	Taman Bandaraya (Youth Park)	MBPP
4.	Balai Rakyat, Pasar Awam, Balik Pulau	MBPP
5.	Kompleks Sukan Dan Rekreasi MBSP Bertam, Kepala Batas	MBSP
6.	Padang Awam Jawi	PDT SPS
7.	Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban	Jabatan Belia dan Sukan
8.	Kompleks Rakan Muda, Jawi	Jabatan Belia dan Sukan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)4**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

4. Nyatakan kronologi perkhidmatan feri Pulau Pinang yang tergendala akibat daripada feri yang rosak termasuk perubahan dari segi pengurusan feri.
- (a) Terangkan peranan Kerajaan Negeri dalam pengurusan perkhidmatan feri.
  - (b) Apakah rancangan dan usaha masa depan bagi mempertingkatkan perkhidmatan feri yang merupakan salah satu *mode* pengangkutan yang penting bagi warga Pulau Pinang?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kejadian perkhidmatan feri yang tergendala selama satu (1) hari pada 24 Ogos 2020 adalah disebabkan oleh kerosakan yang berlaku pada dua (2) buah feri iaitu Pulau Undan dan Pulau Angsa. Pihak Rapid Ferry telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan pada enjin dan sistem penapisan bagi kedua-dua buah feri sepanjang malam 23 Ogos 2020, namun kerosakan feri gagal untuk diatasi dan pihak Rapid Ferry terpaksa menggantikan perkhidmatan feri dengan perkhidmatan bas Rapid

Penang. Sebanyak enam (6) buah bas ‘*shuttle ferry*’ telah disediakan pada 24 hingga 28 Ogos 2020.

Pada 25 Ogos 2020 feri Pulau Angsa telah berjaya diperbaiki dan kembali beroperasi seperti sedia kala manakala feri Pulau Undan mula beroperasi pada 29 Ogos 2020. Di samping itu, sebagai langkah persediaan bagi kejadian kerosakan feri, pihak Rapid Ferry kini sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan sebuah lagi feri iaitu feri Pulau Talang-talang dan dijangka siap pada bulan Oktober 2020.

Buat masa ini, pihak Rapid Ferry akan menguruskan operasi perkhidmatan feri seperti biasa sehingga 31 Disember 2020.

- (a) Perkhidmatan feri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan memainkan peranan dalam usaha meningkatkan penggunaan pengangkutan awam termasuk perkhidmatan feri. Di samping menjadi ikon pelancongan negeri, perkhidmatan feri merupakan salah satu mod pengangkutan awam yang penting kepada seluruh rakyat di Pulau Pinang. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa bekerjasama dengan pihak Rapid Ferry Sdn. Bhd. selaku



operator perkhidmatan ini untuk memastikan perkhidmatan feri dapat beroperasi dengan baik. Sekiranya pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memutuskan untuk melantik operator yang baharu kelak, Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama dalam usaha menambahbaik perkhidmatan feri.

- (b) Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak MOT pada 27 Ogos 2020 dan telah memohon supaya pihak MOT menangguhkan hasrat untuk menghentikan perkhidmatan feri selama tiga (3) bulan mulai 1 September 2020. Kerajaan Negeri juga telah memohon pihak MOT untuk mengemukakan pelan perancangan keseluruhan kerja-kerja menaik taraf serta pengoperasian feri baharu yang dapat memenuhi keperluan sama seperti perkhidmatan feri sedia ada yang bukan sahaja dapat menampung penumpang pejalan kaki malah pengguna basikal, motosikal, dan kenderaan persendirian yang lain.

Berdasarkan sesi perbincangan tersebut, pihak MOT memaklumkan akan mengemukakan laporan penuh pelan perancangan keseluruhan kerja-kerja menaik taraf serta

pengoperasian feri baharu yang merangkumi jenis feri dan kerja-kerja pengubahsuaian terminal. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak MOT masih belum mengemukakan laporan tersebut kepada Kerajaan Negeri. Justeru, melalui mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) yang bersidang pada 14 September 2020 telah memutuskan untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja bagi memantau operasi perkhidmatan feri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)5**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mempunyai tapak tanah yang dalam saiz kecil, akibat penularan wabak COVID-19 adakah PDC bercadang memberi kemudahan kepada pihak-pihak berkepentingan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam tapak ini?
- (a) Senaraikan tapak tanah yang ada di sekitar Bayan Baru.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mempunyai tanah bersaiz kecil berkeluasan kurang daripada 1 ekar yang dikenali sebagai tanah reja. Akan tetapi PDC dalam proses membuat penyediaan tender bagi penjualan tanah-tanah yang berkenaan dan tiada sebarang cadangan bagi sebarang aktiviti perniagaan dijalankan di atas tapak yang berkenaan. Senarai tanah reja PDC yang berkenaan adalah seperti Jadual berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Plot (Daerah Timur Laut)</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>
1.	Tapak di Lintang Macallum 1 (Bersebelahan Blok 362)	0.44
2.	Tapak di Lintang Macallum 1 (Bersebelahan Blok 352)	0.078
3.	Tapak di Lintang Macallum 1 (Bersebelahan Blok 354)	0.112

(a) Senarai tapak tanah yang ada di sekitar Bayan Baru adalah seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Plot</b>	<b>Keluasan (Ekar)</b>
1.	Lengkok Mahsuri (Lot No. PT 6609)	0.83
2.	Tapak bersebelahan Shell Bayan Baru (Lot 7596)	0.56

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)6**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

6. Projek tambun tanah sedang dijalankan oleh Penang Development Corporation (PDC) di Byram.
- (a) Sila nyatakan jumlah keluasan tanah yang akan ditambun.
  - (b) Berapa lamakah projek tersebut akan dijalankan?
  - (c) Apakah jenis perindustrian yang akan dizonkan di kawasan ini?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Pada masa ini pihak Penang Development Corporation (PDC) sedang menjalankan projek tambun tanah di Byram yang dipecahkan kepada tujuh (7) fasa. Jumlah keluasan tanah yang akan ditambun belum dimuktamadkan kerana terlibat dengan pelbagai proses pengambilan tanah. Pada peringkat ini hanya tambun tanah Fasa 1 dilaksanakan iaitu berkeluasan 145 ekar.

- (b) Fasa 1 bagi projek ini telah dimulakan pada 15 Jun 2020 dan tempoh pelaksanaan projek adalah selama 18 bulan.
- (c) Pada peringkat ini, jenis industri yang dikenal pasti untuk ditempatkan di Byram adalah dari kategori industri '*promoted*' dan am. Ini bagi menampung permintaan dari pelabur tempatan dan asing.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)7**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

7. Apakah peranan dan skop kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Sosial yang dijenamakan semula dan berkuatkuasa pada 15 September 2020?
- (a) Apakah impaknya terhadap pembangunan wanita dan keluarga selepas penjenamaan semula?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyusunan dan penjenamaan semula portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan selaras dengan keperluan semasa untuk memulihkan serta meningkatkan ekonomi pasca COVID-19 dan visi negeri Pulau Pinang di bawah Penang2030. Portfolio Pembangunan Sosial melibatkan skop kerja pembangunan masyarakat di negeri Pulau Pinang. Portfolio ini berperanan untuk merancang dan melaksanakan dasar serta program-program bagi pembangunan masyarakat di negeri Pulau Pinang.

(a) Portfolio pembangunan sosial akan melibatkan pembangunan masyarakat secara keseluruhan yang mana wanita dan keluarga merupakan sebahagian serta unit asas dalam masyarakat. Portfolio baharu ini dibangunkan selaras dengan visi Penang2030 di mana Kerajaan Negeri memberikan keutamaan kepada pembangunan institusi keluarga yang menjadi asas kepada pembangunan dan kejayaan negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan masih meneruskan momentum pembangunan wanita dan keluarga yang dicetuskan sebelum ini sebagai sebahagian daripada skop kerja portfolio pembangunan sosial. Kerajaan Negeri tidak akan meminggirkan mana-mana pihak daripada arus pembangunan negeri dan penjenamaan portfolio baharu ini masih meneruskan agenda pembangunan wanita dan keluarga, malah menjadi satu norma dan prinsip asas dalam proses membuat keputusan di negeri Pulau Pinang.



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)14**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

14. Sila terangkan visi pembangunan wanita dan keterangkuman gender selepas penyusunan semula portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyusunan semula portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkuatkuasa 15 September 2020 selaras dengan keperluan semasa untuk memulihkan serta meningkatkan ekonomi pasca COVID-19 dan visi Negeri Pulau Pinang di bawah Penang2030. Portfolio pembangunan wanita dan keterangkuman gender disusun semula kepada portfolio baharu iaitu pembangunan sosial. Portfolio ini berperanan untuk merancang dan melaksanakan dasar serta program-program bagi pembangunan masyarakat di negeri Pulau Pinang.

Di bawah portfolio pembangunan sosial, Kerajaan Negeri akan terus memberikan fokus kepada visi pembangunan wanita dan keterangkuman gender yang disasarkan sebelum ini iaitu untuk mengurangkan jurang gender serta menyediakan wanita untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan negeri Pulau Pinang. Fokus Kerajaan Negeri kepada visi ini adalah selaras dengan Penang2030 di mana keutamaan diberikan kepada institusi keluarga yang menjadi asas kepada pembangunan negeri dan wanita sebagai tunjang kepada sesebuah keluarga. Program yang telah dilaksanakan seperti program Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Program Wanita Jana Rezeki, Program Mentor Usahawan Wanita, Dasar Keluarga Selamat, Program Pembangunan Kepimpinan Wanita serta Pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender akan diteruskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)8**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG  
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

8. Kepadatan penduduk di Balik Pulau semakin meningkat terutamanya DUN Pulau Betong dan Telok Bahang, keperluan untuk berurusan dengan Jabatan Kerajaan semakin ketara. Maka Balik Pulau memerlukan suatu mini Pusat Transformasi Bandar (UTC).

(a) Bilakah ianya boleh diadakan?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Persekutuan ada menubuhkan '*one stop centre*' yang dinamakan Urban Transformation Centre (UTC) dan *Rural Transformation Centre* (RTC). UTC di Pulau Pinang beroperasi di KOMTAR yang dibuka setiap hari kecuali cuti umum bermula jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam (Isnin-Jumaat) dan jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Sabtu dan Ahad).

Penubuhan UTC atau RTC perlu mengambil kira permintaan dan keperluan penduduk setempat agar perkhidmatan yang ditawarkan

dapat dinikmati sebaiknya. UTC dan RTC diterajui oleh Kementerian Kewangan dan hasrat Kementerian Kewangan adalah untuk menubuhkan UTC Negeri di setiap ibu negeri di Malaysia. Sekiranya terdapat keperluan serta peruntukan kewangan yang membenarkan, Kementerian Kewangan akan mewujudkan UTC Bandar di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Bagi tahun 2020, Kementerian Kewangan baru sahaja menubuhkan UTC Pulau Pinang di KOMTAR yang mula beroperasi pada bulan Ogos baru-baru ini. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kewangan, belum ada cadangan di bawah RMK bagi pewujudan mini UTC yang baharu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(A)9**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Bagaimana Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada pembangunan Industri Asas Tani menembusi pasaran luar?
- (a) Apakah jenis bantuan dan sokongan yang disediakan untuk membantu mereka yang terlibat dalam industry Agromakanan?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan pembiayaan kewangan dan tanah khusus kepada anak muda yang berminat dalam pertanian moden dan perternakan?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri memberi penekanan kepada pembangunan Industri Asas Tani (IAT) untuk menembusi pasaran luar dengan cara melaksanakan program-program bagi meningkatkan daya saing produk IAT.

Bagi tahun 2020, sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan bagi pembangunan projek Industri Asas Tani (IAT) dengan melaksanakan program-program seperti berikut:

No.	Projek /Program	Peruntukan (RM)	Sasaran Bilangan Program	Sasaran Bilangan Usahawan yang Menerima Faedah
1.	Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan	200,000	-	25
2.	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus	300,000	20	140
<b>JUMLAH</b>		500,000	20	165

Selain meningkatkan daya saing produk IAT tempatan bagi pasaran tempatan mahupun ke pasaran luar negara, pembangunan IAT di negeri ini juga memfokuskan kepada pembangunan modal insan di mana usahawan tempatan diberi pendedahan, kemahiran dan pengetahuan berkaitan pengendalian bahan makanan diikuti dengan pembangunan kualiti dan representasi produk supaya mencapai piawaian dan memenuhi kehendak pasaran.

Untuk membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran, pihak Jabatan Pertanian Negeri juga menyediakan bantuan dan insentif seperti mesin dan peralatan pemprosesan makanan kepada usahawan yang layak. Usahawan IAT juga turut dibantu dengan cara membawa

mereka menyertai program-program promosi samada di dalam atau di luar Pulau Pinang.

- (a) Perincian bantuan dan sokongan yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri kepada usahawan industri agromakanan dan IAT adalah seperti di **Lampiran A**.

Pihak Jabatan Pertanian Negeri tidak menawarkan tanah khusus kepada belia yang berminat untuk menjalankan projek pertanian. Walau bagaimanapun, pihak jabatan menyediakan plot / tapak untuk disewa kepada peserta yang berminat untuk terlibat dalam bidang pertanian. Belia yang berminat perlu melalui proses temuduga bagi mendapatkan plot / tapak yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri seperti di Permatang Pauh Agro Park, Batu Kawan Agro Park

- (b) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda. Plot / tapak projek yang ditawarkan adalah milik agensi luar yang mempunyai kerjasama dengan pihak Jabatan Pertanian Negeri bagi tujuan membangunkan sektor pertanian.

Bagi belia yang berhasrat menjalankan projek pertanian juga boleh memohon pembiayaan menerusi Tabung Usahawan Tani (TUT)

Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah berjumlah RM6,000 kepada belia berumur 40 tahun dan ke bawah. Bagi usahawan tani yang berumur melebihi usia 40 tahun, kemudahan pinjaman yang ditawarkan adalah berjumlah RM5,000 dengan tempoh bayaran balik pinjaman ini ialah selama 2 tahun tanpa sebarang bayaran faedah. Bagi mereka yang memerlukan pinjaman kali kedua, pinjaman mikrokredit ini boleh dimohon sehingga RM10,000 dengan kadar faedah yang dikenakan ialah 6% setahun bagi tempoh pinjaman selama 2 tahun.

Selain itu, belia juga boleh memohon Geran Agroprenuer Muda (GAM) dari pihak Kerajaan Persekutuan. Geran ini diberi dalam bentuk barangan (nilai maksima sehingga RM20,000.00 per individu) dan ianya tidak perlu dibayar balik. Selain itu, pemohon GAM boleh dipertimbangkan Pakej Pembiayaan dengan kadar keuntungan sebanyak dua peratus (2%) setahun bagi pembesaran projek pertanian yang telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dengan had maksimum pembiayaan RM50,000 hingga RM200,000 daripada pihak Agrobank atau sehingga RM50,000 daripada pihak TEKUN Nasional bagi setiap projek. Seterusnya, pemohon GAM juga akan menerima khidmat nasihat teknikal dan latihan secara



intensif yang bersesuaian melalui program-program yang akan dilaksanakan.

Bagaimana Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada pembangunan Industri Asas Tani menembusi pasaran luar.

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah memperuntukan sejumlah peruntukan bagi pembangunan pelbagai projek Industri Asas Tani (IAT). Berikut adalah agihan mengikut butiran projek/program:

<b>No.</b>	<b>Projek /Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Sasaran Bilangan Program</b>	<b>Sasaran Bilangan Usahawan yang Menerima Faedah</b>
1.	Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan	200,000.00	-	25
2.	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus	300,000.00	20	140

- (a) Objektif pelaksanaan ketiga-ketiga projek ini adalah bagi memastikan produk IAT tempatan mampu bersaing di pasaran. Apakah jenis bantuan dan sokongan yang disediakan untuk membantu mereka yang terlibat dalam industri agromakanan.

tempatan mahu pun di luar negeri. Peringkat permulaan pembangunan IAT ialah melalui pembangunan modal insan di mana usahawan diberi pendedahan dengan kemahiran dan pengetahuan berkaitan pengendalian bahan makanan, seterusnya pembangunan kualiti dan representasi produk supaya mencapai piawaian dan kehendak pasaran. Bagi tujuan membantu meningkatkan kapasiti pengeluaran, pihak Jabatan Pertanian Negeri juga menyediakan bantuan/insentif berkaitan mesin dan peralatan pemprosesan makanan kepada usahawan yang layak. Usahawan IAT juga turut dibantu melalui penyertaan program-program promosi di dalam dan di luar Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, program promosi yang melibatkan perhimpunan awam dilaksanakan melalui kaedah yang lebih sesuai dengan pematuhan SOP Kesihatan dan Keselamatan yang ditetapkan.

Industri agromakanan terdiri daripada tanaman makanan dan produk hasil makanan. Berikut ialah bantuan dan sokongan yang disediakan kepada usahawan tanaman dan IAT serta khidmat sokongan pertanian yang lain:

No.	Butiran Projek	Kumpulan Sasar	Bantuan / Insentif
<b>Khidmat Sokongan Pertanian: Program Latihan dan Pengukuhan Petani/Usahawan/Orang Awam</b>			
1.	Pembangunan Khidmat		Latihan, peralatan bagi pelaksanaan program

	Pengembangan Tekno Pertanian	Petani / Usahawan IAT / Orang Awam	pengukuhan, kempen dan promosi teknologi pertanian dan perkhidmatan mekanisasi ladang
2.	Program Pembangunan Kelompok Tani		
3.	Program Pembangunan Petani Pelapis		
4.	Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan		
5.	Program Perkhidmatan Kejenteraan		
<b>Khidmat Sokongan Pertanian: Kemudahan Latihan Pertanian</b>			
6.	Pembangunan Pusat Inkubator (Tasek Cempedak & Bumbung Lima)	Petani / Orang Awam	Kemudahan Pusat Latihan.
7.	Pembangunan Pusat Pengembangan Teknologi Pertanian Cherok Tok Kun		
8.	Pembangunan Pusat Teknologi Sg. Acheh, SPS		
9.	Pusat Pengembangan Teknologi Pertanian Daerah Barat		

	Daya / Timur Laut		
10.	Menaiktaraf Makmal Ujikaji Produk Hiliran Makanan di Kompleks Pertanian Cherok Tok Kun		
<b>Projek Pembangunan : Projek Pembangunan Tanaman</b>			
11.	Pembangunan Tanaman Padi	Petani	Bantuan peralatan, jentera dan input pertanian serta infrastruktur ladang.
12.	Pembangunan Tanaman Buah-Buahan		
13.	Pembangunan Sayur-Sayuran		

14.	Program Pembangunan Tanaman Lain-Lain Ekonomi		
15.	Pembangunan Kawasan Kelapa		
<b>Projek Pembangunan : Projek dan Program Pembangunan Usahawan IAT</b>			
16.	Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan		Bantuan peralatan dan mesin, label/pembungkusan, papan tanda, dan bantuan baikpulih dan naiktaraf bengkel pemprosesan.
17.	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus		Program promosi produk IAT, tanaman, produk agropelancongan dan naiktaraf kemudahan pusat jualan dan pasca tuai.

Pihak Jabatan Pertanian Negeri tidak menawarkan secara khusus tanah kepada belia yang berminat untuk menjalankan projek pertanian, tetapi lebih kepada tawaran plot / tapak projek kepada peserta yang layak melalui proses temuduga seperti di Permatang Pauh Agro Park, Batu Kawan Agro Park dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda. Plot / tapak projek adalah milik agensi lain yang mempunyai kerjasama dengan pihak Jabatan Pertanian Negeri bagi tujuan membangunkan sektor pertanian. Peserta yang ditawarkan plot / tapak projek akan dikenakan kadar bayaran sewaan dengan tempoh kontrak sewaan tertentu.

Manakalan bagi belia yang berhasrat menjalankan projek pertanian boleh memohon pembiayaan dalam bentuk pinjaman mikrokredit di bawah Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah sehingga RM6,000.00 kepada belia berumur 40 tahun dan ke bawah dan untuk usahawan tani yang berumur 40 tahun dan ke atas, kemudahan pinjaman adalah sehingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama 2 tahun. Manakala untuk pinjaman kali kedua kadar faedah yang dikenakan ialah 8% setahun.

Selain itu, belia juga boleh memohon Geran Agroprenuer Muda (GAM) dari pihak Kerajaan Persekutuan. Geran ini diberi dalam bentuk barangan (nilai maksima sehingga RM20,000.00 per individu) dan ianya tidak perlu dibayar balik. Selain itu, pemohon GAM boleh dipertimbangkan Pakej Pembiayaan dengan kadar keuntungan sebanyak dua peratus (2%) setahun bagi pembesaran projek pertanian yang telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dengan had maksimum pembiayaan RM50,000 hingga RM200,000 daripada pihak Agrobank atau sehingga RM50,000 daripada pihak TEKUN Nasional bagi setiap projek. Seterusnya, pemohonan GAM juga akan menerima khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang bersesuaian melalui program-program yang akan dilaksanakan.

**LAMPIRAN A**

**PERINCIAN BANTUAN DAN SOKONGAN YANG DISEDIAKAN OLEH  
PIHAK JABATAN PERTANIAN NEGERI KEPADA USAHAWAN  
INDUSTRI AGROMAKANAN DAN IAT**

No.	Butiran Projek	Kumpulan Sasar	Bantuan / Insentif
<b>Khidmat Sokongan Pertanian: Program Latihan dan Pengukuhan Petani/Usahawan/Orang Awam</b>			
1.	Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	Petani / Usahawan  IAT / Orang Awam	Latihan, peralatan bagi perlaksanaan program pengukuhan, kempen dan promosi teknologi pertanian dan perkhidmatan mekanisasi ladang
2.	Program Pembangunan Kelompok Tani		
3.	Program Pembangunan Petani Pelapis		
4.	Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan		
5.	Program Perkhidmatan Kejenteraan		
<b>Khidmat Sokongan Pertanian: Kemudahan Latihan Pertanian</b>			
6.	Pembangunan Pusat Inkubator (Tasek Cempedak & Bumbung Lima)	Petani / Orang Awam	Kemudahan Pusat Latihan.
7.	Pembangunan Pusat Pengembangan Teknologi Pertanian Cherok Tok Kun		
8.	Pembangunan Pusat Teknologi Sg. Acheh, SPS		
9.	Pusat Pengembangan Teknologi Pertanian Daerah Barat Daya / Timur Laut		

10.	Menaiktaraf Makmal Ujikaji Produk Hiliran Makanan di Kompleks Pertanian Cherok Tok Kun		
<b>Projek Pembangunan: Projek Pembangunan Tanaman</b>			
11.	Pembangunan Tanaman Padi	Petani	Bantuan peralatan, jentera dan input pertanian serta infrastruktur ladang.
12.	Pembangunan Tanaman Buah-Buahan		
13.	Pembangunan Sayur-Sayuran		
14.	Program Pembangunan Tanaman Lain-Lain Ekonomi		
15.	Pembangunan Kawasan Kelapa		
<b>Projek Pembangunan: Projek dan Program Pembangunan Usahawan IAT</b>			
16.	Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan		Bantuan peralatan dan mesin, label/pembungkusan, papan tanda, dan bantuan baikpulih dan naiktaraf bengkel pemprosesan.
17.	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus		Program promosi produk IAT, tanaman, produk agropelancongan dan naiktaraf kemudahan pusat jualan dan pasca tuai.